

Received 23.2.10. 1.50pm

IBRAHIM & FUAADAH

Advocates & Solicitors
Peguambela & Peguamcara

Head Office: 1st Floor, Bangunan Darul Adjua, Lot 3074, Paya Jaras, 47000 Sg. Buloh, Selangor
Tel: 03-6157 4684/ 4599 Fax: 03-6157 8014 Email: ibrahim.fuaadah@gmail.com

Branch : B-4-3, Wisma Pantai, Jalan Pantai Bharu, 59200 Kuala Lumpur.
H/P: 013-303 5411 Email: hazidin@gmail.com

MOHAMED IBRAHIM MOHAMAD

LLB (Hons) IUM, LLM (UKM)

NURUL FUAADAH SAID

LLB (Hons) IUM

WAN MOHD HAZIDIN WAN ISMAIL

LLB (Hons) IUM

Ruj Tuan : Sila nyatakan
Ruj Kami : IF/LIT/NA/22/09
Tarikh : 04.02.2010

M/S | 1



Dr. Mohd Asri Zainul Abidin

Institut Ibn Qayyim (IQ)

458B, Mukim 18,

Mengkuang,

14000 Bukit Mertajam,

Pulau Pinang,

MALAYSIA.

SERAHAN COURIER

Tuan,

PER: TUNTUTAN SEHUBUNGAN DENGAN KENYATAAN FITNAH DI DALAM MEDIA MASSA DAN ELEKTRONIK

Kami merujuk kepada perkara di atas dimana kami mewakili Datuk Haji Nakhaie Haji Ahmad yang beralamat di No. 4, Lorong Hj. Hassan, Off Jalan Batu Geliga, Taman Melewar, 68100 Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Kami telah diarahkan oleh anakguam kami bahawa pihak tuan dengan niat untuk membenci, menjatuhkan maruah dan/atau menghina anakguam kami, telah dalam satu sidang media pada **1.11.2009** telah mengeluarkan kenyataan berikut :-

" Saya rasa saya tahu siapa di belakang memorandum ini, saya rasa saya tahulah tapi saya tidak sebut namanya nanti saya sebut jadi tuduhan. Cuma di kesempatan ini saya nak tanya kepada satu orang iaitu Bekas atau Yang Dipertua YADIM sekarang Datuk Nakhaie Ahmad, saya tidak kata dia di belakang ini tapi saya nak tanya beliau kerana dalam ini (memorandum) disebut Dr Asri bukan sahaja ditolak oleh majoriti ahli UMNO malah beliau juga tidak senangi oleh ahli PAS.

Saya nak bertanya apakah Yang Dipertua YADIM (Nakhie Ahmad) sekarang diterima oleh penyokong PAS. Beliau adalah bekas Naib Yang Dipertua PAS yang meninggalkan PAS dan beliau saya tahu tidak boleh berceramah dalam banyak tempat di negeri Kedah, di Kelantan. Beliau juga kalah dalam bertanding di Baling pada pemilihan UMNO.

Kalau itulah kriteria untuk menjadi Yang Dipertua YADIM, beliau juga tidak boleh jadi selama ini. Saya tidak kata saya nak terima jawatan itu saya dah buat keputusan, tidak perlu. Tapi ini adalah memorandum yang begitu sentimen yang membabitkan kelompok agama negara ini yang menuduh orang tanpa lunas-lunas ilmu"

Yang terakhir, tambahan atas semua ini, saya mencadangkan kepada , kerana apabila timbul semua ini, saya semaklah beberapa perkara, mungkin semakan saya betul atau salah, saya mencadangkan pihak Audit Negara supaya melakukan audit kepada YADIM sekarang

Ya, ini adalah perkara yang patut dibuat dan kita mungkin akan bertemu dengan banyak perkara”

M/S | 2

(selepas ini dirujuk sebagai “*Kenyataan Fitnah Pertama*”)

Kemudiannya pada **05.11.2009**, sekali lagi pihak tuan telah dengan niat untuk membenci, menjatuhkan maruah dan/atau menghina anakguam kami, telah mengeluarkan kenyataan berikut di surat khabar Sinar:-

“Kenapa dia cabar saya? Saya cuma kata saya meminta pihak audit supaya melakukan audit kepada YADIM.

Kenapa dia begitu sensitif? Kalau boleh saya hendak tahu juga, ramai orang besar menyebut mengenai pengendalian urusan perbelanjaan Yadim ini. Ramai yang mengatakan Yadim mempunyai asset, bangunan di Indonesia. Kenapa sampai perlu ke Indonesia? Sedangkan kita di Malaysia ni pun ramai lagi yang belum dapat.

Bukan saya tuduh, tetapi saya tanya mengapa dalam waktu yang terdekat sebelum beliau berhenti, membeli bangunan yang berharga jutaan dalam tempoh itu dan disegerakan.

Saya tanya sebab saya rakyat Malaysia dan ini adalah wang umum, wang rakyat. Antara sumber utama Yadim adalah dari kerajaan. Saya tidak tahu kenapa tiba-tiba dia cabar saya. ”

(Selepas ini dirujuk dengan “*Kenyataan Fitnah Kedua*”.)

Selanjutnya, kami telah diarahkan oleh anakguam kami bahawa kenyataan fitnah tersebut telah memberi gambaran pada fikiran biasa seseorang dan juga pada fikiran masyarakat umum bahawa:-

- i. Anakguam kami ialah pihak yang menjadi dalang dalam isu Memorandum menentang perlantikan pihak tuan daripada menjadi YDP YADIM;
- ii. Ada berlaku penyelewengan di YADIM semasa pentadbiran anak guam kami;
- iii. Anak Guam kami secara langsung dan/atau tidak langsung terlibat dalam penyelewengan di YADIM tersebut;
- iv. Anak guam kkuatir dengan cadangan pihak tuan supaya Jabatan Audit Negara melakukan pengauditan terhadap Yadim;
- v. Anak guam kami dengan menggunakan Yadim telah membeli bangunan bernilai jutaan ringgit di Indonesia atas kepentingan peribadi atas alasan kononnya pembelian tersebut dibuat dalam waktu yang terdekat sebelum anak guam kami berhenti dan transaksi itu telah disegerakan.

Selain itu pada **02.11.2009**, di akhbar Sinar, pihak tuan juga telah mengeluarkan kenyataan berikut di bawah tajuk “Sebahagian institusi agama bercampur politik”:-

"Sebahagian institusi agama di Malaysia boleh buat duit dan ini berlaku kerana agama dilihat sebagai ruang untuk dapat keuntungan. Ada yang umur 70 pun masih pegang jawatan. Mereka tidak pentingkan kebajikan agama dan rakyat, tetapi keuntungan yang dicari."

(Selepas ini dirujuk dengan "**Kenyataan Fitnah Ketiga**".)

M/S | 3

Kami dinasihati oleh anak guam kami bahawa dengan pengeluaran kenyataan dalam tempoh waktu kontroversi antara pihak tuan dengan pihak anak guam kami telah menyebabkan gambaran orang awam mempalitkan atau mengaitkan kenyataan tersebut dengan anak guam kami.

Dengan itu, kami telah diarahkan oleh anakguam kami bahawa kenyataan fitnah tersebut telah memberi gambaran pada fikiran biasa seseorang dan juga pada fikiran masyarakat umum bahawa:-

- i) Anak guam kami adalah seorang gila jawatan yang masih tidak ingin melepaskan jawatan walaupun sudah lanjut umur;
- ii) Anak guam kami masih memegang jawatan di Yadim untuk mendapatkan keuntungan peribadi;
- iii) Anak guam kami memegang jawatan tersebut bukan atas kepentingan agama dan rakyat sebaliknya semata-mata untuk kepentingan peribadi;

Kami selanjutnya telah diarahkan oleh anakguam kami bahawa kenyataan fitnah tersebut adalah tidak benar sama sekali dan telah diterbitkan dan disiarkan tanpa justifikasi yang telah dibenarkan oleh undang-undang.

Kami selanjutnya telah diarahkan oleh anakguam kami bahawa akibat secara langsung dan/atau tidak langsung daripada kenyataan fitnah tersebut, anakguam kami telah mengalami kerosakan dan kehilangan yang teruk kepada reputasi dan nama baik anakguam kami.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA melainkan pihak tuan menarik balik keseluruhan kenyataan fitnah tersebut dan membuat permohonan maaf tanpa syarat kepada anakguam kami melalui kenyataan lisan dan bertulis melalui satu lagi sidang media dan membayar kepada anakguam kami sebanyak RM 1.5 juta sebagai gantirugi bagi kerosakan dan kehilangan pada reputasi dan nama baik yang dialami oleh anakguam kami dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari daripada tarikh penerimaan surat ini, pihak kami mempunyai arahan tegas daripada anakguam kami untuk memfailkan satu tindakan undang-undang terhadap pihak tuan tanpa rujukan lanjut kepada pihak tuan.

Yang benar,

TETUAN IBRAHIM & FUAADAH



MOHAMED IBRAHIM MOHAMAD

s.k- anakguam